

Bakal NMP akur prinsip kebolehan diri tentukan jaya

Pegawai bank kongsi pandangan tentang ucapan Perdana Menteri di Rapat Hari Kebangsaan



"Meskipun pemerintah mengambil langkah menyejukkan harga pasaran hartanah dan memberikan geran kepada bakal pemilik flat, namun saya fikir masih ada juga yang menghadapi masalah untuk membeli flat buat kali pertama. Saya tahu beberapa individu yang terpaksa menangguhkan pernikahan atau pasangan yang melambatkan mendapat anak kerana tidak yakin mereka dapat menepati keperluan kewangan." - Bakal NMP, Encik Mohd Ismail Hussein, mengenai isu kos kehidupan yang mahu diketengangkannya di Parlimen kelak.

22 Aug 2014

HISHAM HASIM

TUMPUAN yang diberikan Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, terhadap golongan lulusan Institut Pendidikan Teknikal (ITE) dalam Rapat Hari Kebangsaan minggu lalu mendapat perhatian Ketua Khidmat Kewangan Masyarakat Islam Maybank Singapura, Encik Mohd Ismail Hussein.

Encik Mohd Ismail, 51 tahun, yang juga merupakan pengarah Angkatan Karyawan Islam (AMP), bakal menjadi Anggota Parlimen Dilantik (NMP) Melayu keempat sejak skim itu diperkenalkan 24 tahun lalu.

Diminta mengulas mengenai ucapan Encik Lee pada rapat lalu yang berlangsung di ITE Kolej Central, Encik Mohd Ismail berpendapat isu mengenai lulusan ITE sangat relevan kepada masyarakat Melayu/Islam.

"Saya berpendapat bahawa kejayaan tidak semestinya bergantung kepada pencapaian akademik seseorang.

"Saya berasa ciri-ciri lain seperti kerja keras, berdaya tahan dan yakin pada keupayaan sendiri memainkan peranan kritikal, jika tidak lebih kritikal daripada pencapaian akademik.

"Bekerja dalam sektor perbankan, saya menemui ramai individu berjaya yang mempunyai kelayakan akademik agak sederhana tetapi mencapai kejayaan melalui usaha gigih, keazaman dan kepercayaan diri," kata Encik Mohd Ismail.

Dalam rapat tersebut, Encik Lee berkata bahawa golongan pekerja tanpa kelulusan universiti akan diberi lebih banyak peluang melangkah jauh dalam kerjaya masing-masing.

Menurut Encik Lee, pembentukan Jawatankuasa ASPIRE yang dipengerusikan Menteri Negara Kanan, Cik Indranee Rajah, ialah satu usaha mencipta lebih banyak peluang bagi rakyat Singapura maju, khususnya pelajar ITE dan politeknik.

Dengan inisiatif terbaru ini, Encik Lee yakin lebih ramai rakyat dapat menjangkakan kemajuan lebih baik dalam kehidupan mereka.

Selain isu itu, Encik Mohd Ismail juga berpandangan bahawa pengiktirafan yang diberikan ke atas Allahyarham Presiden Yusof Ishak dalam tiga inisiatif yang diumumkan pemerintah seperti penamaan masjid di Woodlands adalah satu penghormatan kepada masyarakat Melayu/Islam dan berpendapat bahawa "masyarakat kita perlukan lebih ramai ikon yang telah menyumbang di peringkat nasional untuk menjadi inspirasi kepada masyarakat".

Sebagai seorang karyawan dalam sektor perbankan, beliau berhasrat menentang isu berkaitan kos kehidupan yang difikirkannya "masih menjadi keprihatinan ramai warga Singapura".

"Saya rasa masih terdapat isu mengenai kemampuan memiliki perumahan, kos sara hidup yang semakin meningkat dan membina keluarga bagi pasangan muda.

"Meskipun pemerintah mengambil langkah menyejukkan harga pasaran hartanah dan memberikan geran kepada bakal pemilik flat, namun saya fikir masih ada juga yang menghadapi masalah membeli flat buat kali pertama.

"Saya tahu beberapa individu yang terpaksa menangguhkan pernikahan atau pasangan yang melambatkan mendapat anak kerana tidak yakin mereka dapat menepati keperluan kewangan," kata Encik Mohd Ismail.

Namun beliau akur bahawa mencari huraian kepadanya tidaklah mudah dan selain dasar pemerintah mengekalkan kosnya kepada tahap yang masih dimampui, adalah menjadi tanggungjawab individu itu mempunyai jangkauan realistik dan menguruskan kewangan secara berhemat.

Mengenai perubahan kepada skim CPF agar menjadikannya lebih fleksibel yang turut diutarakan PM Lee dalam rapat lalu, Encik Mohd Ismail berkata meskipun pencarum berhak ke atas wang CPF mereka setelah mencapai usia persaraan, langkah itu harus diambil secara berhati-hati agar kewangan diurus dengan baik.

Ini kali pertama Encik Mohd Ismail memohon menjadi NMP, sejak skim tersebut diperkenalkan pada 1990.

Pencalonan Encik Mohd Ismail sebagai NMP dibuat menerusi Majlis Perkhidmatan Masyarakat Kebangsaan (NCSS).

Beliau dan lapan lagi calon telah dipilih Jawatankuasa Pilihan Khas untuk dilantik sebagai NMP.

Presiden Tony Tan Keng Yam akan menyerahkan Surat Pelantikan kepada NMP di Istana pada 26 Ogos ini sebelum mereka mengangkat sumpah apabila Parlimen bersidang pada 8 September ini.

NMP Melayu/Islam sejak 1990



CIK FAIZAH AHMAD JAMAL (2012 - 2014)

22 Aug 2014

Berita Harian

SEPANJANG berkhidmat sebagai NMP sejak sekitar dua tahun lalu, Cik Faizah, yang mengajar di politeknik, banyak menyuarakan tentang isu pemuliharaan alam sekitar dan warisan.

Cik Faizah, 53 tahun, merupakan NMP Melayu ketiga dan menempa sejarah sebagai wanita Melayu pertama menjadi NMP sejak skim itu diperkenalkan pada 1990. Beliau mengangkat sumpah pada 14 Februari 2012.

SEORANG usahawan, Encik Zulkifli Baharudin menjadi individu Melayu/Islam kedua dilantik sebagai NMP pada 1997.

Encik Zulkifli, yang ketika itu berusia 38 tahun, berkata soal penakatan Singapura dan perpaduan masyarakat adalah dua isu pokok yang menjadi tumpuannya di Parlimen.

Menjadi NMP, katanya, tidak akan menghalangnya daripada terus terlibat dalam pelbagai badan sosial, kemasyarakatan dan sivik.

Beliau yang kini berusia 55 tahun masih terus bergiat aktif sebagai aktivis sosial.

ENCIK Imram Mohammed, pada usia 50 tahun, menempa sejarah menjadi anak Melayu pertama yang dilantik sebagai NMP pada 1994.

Ketika itu, Encik Imram merupakan pengarah Angkatan Karyawan Islam (AMP) dan bertugas sebagai pengurus kawalan penerbangan dengan syarikat penerbangan Singapore Airlines (SIA).

Beliau, antara lain, pernah mengusulkan agar masyarakat Islam diletakkan di bawah Akta Pemindahan Organ Manusia (Hota) jika mereka ingin menderma ginjal.